

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang Akademik 1992/93

Jun 1993

FCP 451 Konsep Asas Farmasi Klinikal

Masa: (3jam)

Kertas ini mengandungi LIMA soalan

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia

...2/-

ANGKA GILIRAN : _____

1. Tulis nota-nota ringkas mengenai tajuk-tajuk berikut:

A. Bincangkan mengenai kebaikan sistem rekod perubatan berorientasi-masalah (POMR) berbanding dengan sistem lama.

(5 Markah)

B. Senaraikan lima (5) contoh parameter-parameter pemantauan untuk menilai terapi ubat.

(5 Markah)

C. Nyatakan jenis-jenis maklumat yang terdapat di bahagian sejarah perubatan, ulasan sistem organ dan pemeriksaan fizikal yang boleh di gunakan oleh ahli-ahli farmasi untuk tujuan pemantauan terapi ubat.

(15 Markah)

2. A. Apakah kepentingan keputusan ujian-ujian makmal bagi seseorang ahli farmasi ?

(5 Markah)

B. Senaraikan faktor-faktor yang dapat menyebabkan selisihan makmal.

(4 Markah)

...3/-

ANGKA GILIRAN : _____

- C. Bincangkan pemantauan yang perlu dibuat untuk seseorang pesakit yang dirawat dengan drug yang boleh menginduksikan anemia hemolitik.

(8 Markah)

- D. Bincangkan dua (2) ujian fungsi renal (selain daripada urinalisis) serta bandingkan kebaikan dan keburukan masing-masing.

(8 Markah)

3. A. En. SP (52 tahun) datang ke farmasi untuk membeli laksatif bagi merawat sembelitnya. Daripada temubual, anda memperolehi maklumat berikut:-

Sejarah sembelit - kekerapan defekasi seminggu sekali selama 2 bulan (biasanya 3 kali seminggu)

- najis tidak mengandungi darah atau lendir.
- tiada kesakitan perut atau muntah.

Sejarah sosial

- seorang perokok.
- baru bersara (50 tahun) dan telah bermula perniagaan sendiri.
- sering mengembara atas urusan perniagaan.
- jadual harian amatlah sibuk dan sering tidak hiraukan masa makan.
- selalu membeli makanan dari restoran makanan segera

Sejarah drug

- sering memakan tablet aluminium hidroksida untuk "indigestion".

...4/-

ANGKA GILIRAN : _____

(i) Apakah faktor-faktor yang mungkin menyebabkan SP mengalami sembelit?

(5 Markah)

(ii) Terangkan rawatan tanpa laksatif yang boleh diamalkan oleh SP untuk mengelak daripada sembelit.

(5 Markah)

(iii) Cadang dan bincangkan dua (2) jenis laksatif yang sesuai untuk SP.

(8 Markah)

B. Seorang bayi berumur 15 bulan telah didiagnosiskan mengalami gastroenteritis bakteria dan telah dirawat dengan difenoksilat, ampicillin dan garam rehidrasi oral (ORS). Komen tentang terapi ini.

(7 Markah)

...5/-

ANGKA GILIRAN : _____

4. M seorang kanak-kanak lelaki berumur 2 tahun telah dibawa ke hospital setelah mengalami sawan sebanyak dua kali. Menurut ibunya, M telah mengalami demam dan batuk semenjak 5 hari yang lepas dan tidak reda dengan supositori parasetamol. Pagi tadi M telah mengalami sawan selama 15 minit dan hilang setelah dijelum kepalanya. Semasa di bilik kemalangan dan kecemasan M telah mengalami sawan sekali lagi dan dikawal dengan supositori diazepam. Seterusnya beliau telah dimasukkan ke wad 6 Selatan.

Pemeriksaan fizikal menunjukkan BP:110/65 mmHg.,
P: 130 denyut/minit, T:39.5°C dan RR : 35/minit.

Ulasan sistem menunjukkan pesakit yang letih dan tenat.

HEENT: mata dan mukosa mulutnya kering.

Leher: ketegangan tengkuk.

Dada: rale, ronkus dan krepitasi pada ke dua belah paru-parunya.

Lain-lain tak signifikan.

Makmal: keputusan masih belum diperolehi.

Diagnosis awal: meningitis.

- A. Terangkan perubahan-perubahan yang mungkin berlaku pada lapuran biokimia bendalir sereberospina M.

(10 markah)

...6/-

ANGKA GILIRAN : _____

- B. Berikan rawatan antibiotik empirik yang sesuai untuk M dan berikan alasan untuk menyokong cadangan anda.

(10 markah)

- C. Cadangkan rawatan yang sesuai untuk mengelakkan serangan sawan M daripada berulang.

(5 markah)

5. Huraikan dengan ringkas mengenai perkara-perkara berikut:

- A. Pemilihan antikulat yang sesuai untuk jangkitan meningitis kreptokokus.

(7.5 markah)

- B. Pemberian profilaksis antibiotik yang sesuai untuk pembedahan kecemasan akibat peritonitis.

(7.5 markah)

- C. Pemberian profilaksis antibiotik untuk pesakit neutropenia.

(10 markah)

Lampiran

Senarai Nilai Normal Makmal

1.	Ammonia	80-110 mcg/dl atau	47-65 umol/L
2.	Amilase	4-25 IU/ml	
3.	Bilirubin		
	- Langsung	0-0.2 mg/gl	0-3 umol/L
	- Tak langsung	0.2-0.8 mg/dl	30-14 umol/L
	- Total	0.2-1 mg/dl	30-17 umol/L
4.	CO ₂	20-30 mEq/L	24-30 mMol/L
5.	pCO ₂	35-45 mmHg	
6.	Cl	100-106 mEq/L	100-106 mMol/L
7.	Cpk	50-170 U/L	
8.	Kreatinin (SCr)	0.6-1.5 mg/dl	60-130 umol/L
9.	Glukos rawak	70-110 mg/dl	3-10 umol/L
10.	Zat besi	50-150 mcg/dl	9.0-26.9 umol/L
11.	Laktik dehidrogenase	70-210 IU/L	
12.	Magnesium	1.5-2.0 mEq/L	0.8-1.3 mMol/L
13.	pO ₂	75-100 mmHg	
14.	pH	7.35-7.45	
15.	Asid fosfatase lelaki	0.13-0.63 IU/ml	36-176 nmol s ⁻¹ /L
	wanita	0.101-0.65 IU/ml	2.8-156 nmol s ⁻¹ /L
16.	Alkaline fosfatase	39-117 IU/L	
17.	Fosforus	3.0-4.5 mg/dl	1.0-1.5 mMol/L
18.	Kalium (K ⁺)	3.5-5.0 mEq/L	3.5-5.0 mMol/L
19.	Kalsium (Ca ²⁺)	8.5-10.5 mg/dl	2.1-2.6 mMol/L
20.	Na ⁺	135-145 mEq/L	135-145 mMol/L
21.	HCO ₃ ⁻	24-38 mEq/L	24-28 mMol/L

22.	Protein		
-	Total	6.0-8.5 g/dl	60-85 g/L
-	Albumin	3.5-5.0 g/dl	35-50 g/L
-	Globulin	2.3-3.5 g/dl	23-35 g/L
-	Transferin	200-400 mg/dl	2.0-9.0 g/L
23.	Transaminase (SGOT)	0-40 IU/L	0-0.32 $\mu\text{mol s}^{-1}/\text{L}$
24.	BUN	8-25 mg/dl	2.9-8.9 mMol/L
25.	Asid urik	3-7 mg/dl	0.18-0.42 mMol/L
26.	Gambaran darah		
	Sel darah merah (RBC)		
	lelaki	4.8-6.4 $\times 10^6/\text{mm}^3$	
	wanita	4.2-5.4 $\times 10^6/\text{mm}^3$	
	Sel darah putih (WBC)	4.0-11.0 $\times 10^3/\text{mm}^3$	
	P	60-75%	
	L	20-40%	
	M	4-8%	
	B	0-1%	
	E	1-3%	
	Platelat (Plt)	200-400 $\times 10^3/\text{mm}^3$	
27.	ESR lelaki	0-10 mm/jam (Wintrobe)	
	wanita	0-15 mm/jam (Wintrobe)	
28.	Hematokrit		
	lelaki	45-52%	
	wanita	37-48%	
29.	Hemoglobin (Hgb)		
	lelaki	13-18 g/dl	
	wanita	12-16 g/dl	
30.	Mass protrombin (PT)	75-100% nilai asas	
31.	APTT	25-37 saat	
32.	Klearens Kreatinin (CrCl)	105-150 ml/min/1.73 m^2	
33.	TT ₄	3.0-7.5 mcg/dl	
34.	RT ₃ U	25-35%	
35.	FTI	1.3-4.2	